

06 OCT 2001

Kayveas-Pas

JANGAN PERTIKAIKAN STATUS NEGARA ISLAM, KATA PPP

KUALA LUMPUR, Okt 6 (Bernama) -- PAS tidak harus mempertikaikan pengisytiharan terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, kata Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas.

"Jika negara Islam lain dan alim ulama bersepakat mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam, maka tidak ada alasan mengapa pengisytiharan terbuka Dr Mahathir perlu dipertikaikan oleh PAS," katanya kepada pemberita sebelum mesyuarat majlis tertinggi parti itu di ibupejabat PPP di sini hari ini.

Beliau berkata pengisytiharan terbuka Perdana Menteri minggu lepas itu telah benar-benar mengejutkan parti PAS yang sehingga hari ini masih terkial-kial untuk mencipta satu bentuk negara Islam yang dapat diterima oleh semua kaum di Malaysia.

Katanya, PPP menerima dengan hati yang terbuka bahawa selama ini Malaysia adalah sebuah negara Islam, di mana rakyat berbilang kaum diberi hak kebebasan untuk mengamalkan agama, kepercayaan, budaya dan hak untuk membina kemajuan hidup masing-masing.

PPP berpendapat isu sama ada kerajaan ini Islam atau tidak Islam tidak timbul langsung kerana majoriti rakyat berpuas hati dengan cara pemerintahan demokratik yang diterajui oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Kayveas berkata PAS hanya mengutarakan isu ini semata-mata sebagai gimik politik kerana mereka sudah ketandusan idea untuk menawan hati rakyat.

"Kami menasihatkan PAS agar berhenti menjaja isu negara Islam kerana kami sedar PAS hanya ingin mengaut keuntungan politik demi memanjangkan jangka hayat politik sempit mereka dalam arus perdana politik tanahair," kata Kayveas.

Bercakap mengenai perkara lain, beliau berkata tindakan kerajaan untuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menghapuskan keganasan dan aktiviti militan adalah wajar dan tepat.

"Walaupun sebelum ini terdapat segelintir pihak dari luar dan dalam negara menyifatkan penggunaan akta tersebut sebagai zalim, sekarang kuasa besar seperti Amerika Syarikat mengakui bahawa akta seperti ini adalah satu cara positif untuk membendung gejala seperti itu," kata Kayveas.

-- BERNAMA

SR AZZ MOZ